



BH 2/10/14
MS 17

INFO

Produk Vecto

- Ⓞ **Sabun dan losyen** Vecto dijangka dipasarkan bulan depan.
- Ⓞ **Boleh halang** gigitan nyamuk selepas tiga hingga enam jam penggunaannya.
- Ⓞ **Berfungsi** menghalau nyamuk.
- Ⓞ **Sabun** itu juga bersifat antiseptik.
- Ⓞ **Mempunyai** fungsi aromaterapi yang mampu melegakan tekanan.

Jus daun betik

- Ⓞ **Mampu meningkatkan** kandungan platelet selepas tujuh atau lapan jam diminum.

FAKTA NOMBOR

13 penyelidik

bebas menghasilkan sabun dan losyen yang berupaya menghalang gigitan nyamuk



Sabun, losyen Vecto cegah gigitan

Penghasilan produk ini adalah **100 peratus menggunakan bahan semula jadi** bagi memastikan tiada kesan langsung atau sampingan kepada kesihatan pengguna”

Dr Mohamad Shukor Yusof,
Ketua penyelidik bebas

sekitar termasuk mengelakkan tangki septik atau longkang menjadi tempat pembiakan nyamuk.

“Berdasarkan pemerhatian lanjutan yang dilakukan, nyamuk tidak akan bertelur di dalam air yang mengandungi kesan serai wangi dan lava juga akan mati.

“Justeru, penggunaan sabun antinyamuk ini dapat menghalang pembiakan bukan saja Aedes, malah semua jenis nyamuk yang tidak suka dengan bau berkenaan di sekitar kediaman anda,” katanya.

Sabun itu juga boleh digunakan dengan pelbagai cara termasuk memotongnya kepada beberapa bahagian dan diletakkan di sekitar bahagian muka untuk mengelakkan hidung tersumbat.

Dr Mohamad Shukor berkata, penghasilan produk itu bukan

sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk, tetapi juga membantu meningkatkan taraf sosioekonomi melalui penanaman serai wangi yang mempunyai nilai tinggi di pasaran.

Sebelum ini, beliau terpaksa mendapatkan bekalan ekstrak serai wangi dari India dengan harga agak tinggi bagi membuat kajian memandangkan kesukaran mendapatkannya di pasaran tempatan.

“Kerajaan Terengganu pernah membuka kawasan tanaman serai wangi seluas 50 hektar tetapi gagal kerana tidak dikendalikan dengan betul dan sistematik.

“Justeru, saya cadangkan pihak berkaitan melihat kembali cadangan ini dan saya sedia memberi kerjasama bagi menjayakannya,” katanya.

INFO

MAKLUMAT DENGGI HARIAN

(1 Oktober 2014)



Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul 2014
Johor	16	4,279
Kedah	2	767
Kelantan	56	12,965
Melaka	9	2,012
Negeri Sembilan	5	3,054
Pahang	13	1,246
Perak	18	4,086
Perlis	1	182
Pulau Pinang	6	1,574
Sabah	6	963
Sarawak	23	1,360
Selangor	136	37,077
Terengganu	11	1,015
WP Kuala Lumpur	17	5,236
WP Labuan	0	11
WP Putrajaya	3	257
Jumlah kes	322	76,079

Kuala Berang: Selepas pertama kali mencuba, Rosmaliani Abd Rahman, 32, (gambar) kagum dan berpuas hati dengan keberkesanan sabun dan losyen Vecto.

Dia dan keluarganya menjadi pengguna setia sabun dan losyen itu selepas mendapati produk berkenaan amat berkesan bagi mencegah gigitan nyamuk.

“Selepas saya menggunakan sabun ini, memang nyamuk tak hinggap di badan walaupun boleh nampak serangga itu berterbangan.

“Sekarang kami memang tidak guna sabun biasa kerana (Vecto) selain mampu halang gigitan nyamuk, baunya juga wangi dan kekal di badan sehingga berjam-jam,” katanya.

Tiada kesan kepada kesihatan

Seorang lagi pengguna, Fatin Amirah Ahmad, 24, berkata dia alah kepada penyembur aerosol yang menyebabkan kulit serta matanya menjadi pedih.

Justeru, dia terpaksa mencari alternatif lain yang lebih mesra alam serta tidak memberi kesan kepada kesihatannya.

“Saya menggunakan produk ini selepas dicadangkan oleh rakan yang sudah lama menggunakan sabun ini selepas mendapatkan rawatan di Klinik Dr Shukor.

“Pada mulanya, saya agak was-was tetapi selepas menggunakannya, saya boleh tidur lena tanpa perlu menggunakan ubat nyamuk lingkaran yang menyesakkan nafas dengan bau asap,” katanya.

“**Saya boleh tidur lena tanpa perlu menggunakan ubat nyamuk lingkaran”**

Fatin Amirah Ahmad,
Pengguna

Daun betik rawat denggi

BH 2/10/14 MS 16

» Jus dihasilkan Institut Penyelidikan Perubatan mampu tingkat platelet

bekas pelajar matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menghasilkan sabun dan losyen yang berupaya menghalang gigitan nyamuk.

Produk berjenama Vecto itu menggunakan ekstrak serai wangi sebagai bahan utama.

Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) pula menghasilkan jus daripada daun betik bagi rawatan sampingan pesakit denggi.

“Adalah dimaklumkan, bahawa IMR telah membuat kajian

klinikal dan membuktikan bahawa jus daun betik boleh digunakan sebagai rawatan sampingan bagi pesakit denggi khususnya bagi meningkatkan kandungan platelet,” kata IMR dalam surat bertarikh 23 September lalu.

Berikutan itu, IMR memaklumkan

kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri mengenai penemuan jus berkenaan dan akan memaklumkan mengenai cara penyediaan jus daun betik yang betul untuk diamalkan.

Surat IMR itu juga memaklumkan

Kementerian Kesihatan turut menggalakkan penggunaan jus daun betik sebagai rawatan sampingan dalam mengubati penyakit berkenaan.

Ujian lapangan

Di Kuala Berang, Ketua penyelidik, Dr Mohamad Shukor Yu-

sof, berkata keberkesanan Vecto dibuktikan melalui ujian lapangan dengan melepaskan 1,200 nyamuk kepada 100 subjek yang dibahagikan kepada dua kumpulan eksperimen bagi melihat tindak balas produk.

“Penggunaan losyen dan sabun Vecto adalah alternatif yang sangat



...Minyak... Semula Jadi... Tumbuhan

Dr Mohamad Shukor menunjukkan ekstrak serai wangi dan produknya sabun dan losyen anti nyamuk.

FOTO ASWADI ALIAS/BH

...telah meningkat secara... bilangan kes ini... membimbangkan kerajaan

Terjadinya demam denggi?

adalah nyamuk Aedes betina. Angkiti membawa virus denggi dipindahkan kepada manusia isap darah. Angkiti itu digigit, virus denggi akan di dalam aliran darahnya, t ini.

Aedes aegypti

pada gigitan nyamuk... bur dan lingkaran ubat... yang digunakan untuk... pada serangan serangga

...losyen yang boleh... daripada

Oleh Sophia Ahmad dan Noor Aznida Alias
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pakar tempatan berjaya menghasilkan produk yang amat penting dalam usaha mencegah dan merawat demam denggi yang masih berterusan di seluruh negara. Sekumpulan 13 penyelidik bebas yang merangkumi saintis, doktor perubatan dan ahli farmasi

Langkah penyediaan jus daun betik sebagai rawatan sampingan untuk demam denggi



1

Sediakan tempat untuk menyediakan jus daun betik yang bersih



2

Ambil dua helai/pelepah daun betik matang yang segar dan buang tangkai daun. Basuh dengan air bersih yang mengalir



3

Rendam daun dalam bekas berisi air selama 15 minit



4

Bilas/basuh daun dengan air bersih sekali lagi



6

Potong daun menjadi kepingan kecil

Daun betik yang telah ditos, boleh juga dikisar **tanpa** masukkan air untuk mendapatkan jus



8



9

Dua helai/pelepah daun betik boleh menghasilkan 30ml atau dua sudu besar jus

Tapis dan masukkan jus ke dalam bekas yang bersih. Jus sedia untuk diminum

10



5

Tos/keringkan semula daun



7

Tumbuk daun sehingga lumat **tanpa** masukkan air



» Amalkan pengambilan jus daun betik sekali sehari selama tiga hari berturut-turut

» Digalakkan mendapat nasihat doktor sebelum memberi jus daun betik kepada kanak-kanak berusia 13 tahun ke bawah

» Pengambilan jus daun betik adalah rawatan sampingan dan **bukan** rawatan khas untuk demam denggi



bagus berbanding kaedah biasa menggunakan ubat nyamuk lingkaran atau semburan yang mengandungi bahan kimia berbahaya," katanya.

Idea untuk memulakan projek itu tercetus selepas Malaysia mengalami peningkatan kes denggi yang drastik sehingga memaksa kerajaan mengemblem segala usaha di semua peringkat bagi memerangi wabak berkenaan.

Berikutan itu, Dr Mohamad Shukor yang bekas penyelidik UKM, bersama ahli kumpulannya mengadakan perjumpaan pada Februari lalu, sehingga mereka mencapai kata sepakat untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat melalui kepakaran yang dimiliki.

Mereka bergabung tenaga mencari kaedah berkesan bagi membendung wabak denggi. Kumpulan itu menggunakan ekstrak serai wangi atau nama saintifiknya 'cymbopogon nardus' sebagai bahan utama untuk menghasilkan produk antinyamuk.

Penghasilan Vecto turut menggunakan gabungan beberapa herba lain yang berkesan mencegah gigitan nyamuk antara tiga hingga enam jam selepas penggunaannya.

Dr Mohamad Shukor berkata, bau serai wangi yang kuat dan meruap bukan saja berkesan menghalau nyamuk tetapi juga serangga lain seperti lalat yang menjadi egen pembawa penyakit.

Bahan semula jadi

"Penghasilan produk ini adalah 100 peratus menggunakan bahan semula jadi bagi memastikan tiada kesan langsung atau sampingan kepada kesihatan pengguna," katanya.

Beliau berkata, penggunaan bahan yang mesra alam itu juga memberi kesan baik kepada alam